

KENYATAAN MEDIA

MAKLUM BALAS TERHADAP KENYATAAN YB DATUK SERI IR. DR. WEE KA SIONG

Universiti Malaya (UM) mengambil maklum dan menghargai pandangan yang dikemukakan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, Ahli Parlimen Ayer Hitam, dalam satu video bertarikh 24 Jun 2025. Sehubungan itu, UM ingin memberikan maklum balas berhubung dua perkara utama yang dibangkitkan, iaitu:

- (1) Proses kemasukan pelajar.
- (2) Kenaikan yuran pengajian.

Proses Kemasukan Pelajar

Universiti Malaya (UM) ingin menegaskan bahawa proses pemilihan pelajar ke dalam mana-mana program akademik adalah berdasarkan meritokrasi serta mematuhi peraturan dan kaedah yang terpakai. Sebagai contoh, bagi program kritikal perubatan (MBBS), pelajar perlu lulus *Medical Selection Admission Test* (MSAT) dan lulus temuduga sebelum dikeluarkan tawaran. Ini digunapakai untuk kedua-dua saluran kemasukan.

Sistem kemasukan ke program-program pengajian di universiti ini dilaksanakan melalui dua saluran yang berasingan iaitu:

- (1) Saluran Perdana (UPU) yang diuruskan sepenuhnya oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) untuk kemasukan ke program-program pengajian prasiswazah.
- (2) Saluran Terbuka Universiti Malaya (SATU) pula ialah saluran alternatif untuk memberi ruang kepada lebih ramai pelajar untuk mengikuti program di UM tanpa menjejaskan kuota atau tempat yang diperuntukkan kepada calon UPU.

Data yang dikemukakan oleh YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong dalam video berkenaan peningkatan enrolmen pelajar program Sarjana Muda melalui saluran SATU bagi tempoh 2018 hingga 2022 adalah mengelirukan dan tidak dilihat secara holistik.

Sebaliknya, jumlah enrolmen pelajar melalui Saluran Perdana (UPU) masih sama, dengan semua unjuran kemasukan yang ditetapkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi dipenuhi sepenuhnya setiap tahun dan turut meningkat. Pada masa sama tidak berlaku sebarang pengurangan kuota atau pengambilan tempat bagi pelajar UPU akibat kewujudan saluran alternatif.

Saluran Perdana terus memberi keutamaan kepada pelajar berkecayaan akademik daripada semua aliran pra universiti termasuk STPM, Matrikulasi dan Asasi.

SATU bukan sekadar laluan alternatif — ia adalah langkah strategik untuk menyeimbangkan antara keperluan rakyat, pembangunan IPTA, dan daya saing nasional. Berikut ialah rasional utamanya:

1. Tampung Permintaan Tinggi Tanpa Beban pada Laluan UPU

Persaingan UPU adalah amat sengit terutamanya dalam program berprestij seperti perubatan, pergigian dan farmasi. Ribuan pelajar cemerlang tidak ditawarkan tempat kerana kekangan kapasiti. SATU membuka peluang tambahan tanpa menjejaskan kuota UPU.

2. Elak Penghijrahan Modal Insan ke Luar Negara

Setiap tahun, ribuan pelajar terpaksa ke luar negara untuk mengikuti program pengajian seperti perubatan, pergigian dan farmasi dengan kos tinggi. Melalui SATU, mereka kini boleh belajar di Malaysia, dekat dengan keluarga dan budaya sendiri, sekaligus mengurangkan risiko *brain drain* dan meningkatkan bekalan bakat tempatan.

3. Selari dengan Amalan Terbaik di Peringkat Antarabangsa

Malaysia bukan negara pertama yang memperkenalkan saluran kemasukan alternatif. Negara-negara seperti:

- a) United Kingdom mempunyai laluan kemasukan antarabangsa dan berbayar melalui UCAS dan institusi swasta
- b) Australia mengenakan yuran penuh untuk pelajar antarabangsa atau laluan bukan bersubsidi
- c) Indonesia menawarkan laluan Jalur Mandiri untuk pelajar yang membayar secara terus,
- d) Amerika Syarikat pula menggunakan pendekatan holistik termasuk merit, keupayaan membayar, dan laluan legasi.

Dalam konteks ini, Malaysia adalah seiring dengan kehendak global, namun tetap memastikan bahawa laluan awam berasaskan merit seperti UPU kekal menjadi keutamaan dan dilindungi.

4. Kukuhkan Kualiti & Daya Saing IPTA

Dengan pendapatan tambahan, universiti boleh meningkatkan mutu pengajaran, kemudahan makmal, akses teknologi, dan menggaji pensyarah pakar. Ia juga membolehkan IPTA bersaing di peringkat antarabangsa, bukan hanya dari segi ranking, tetapi juga mobiliti pelajar dan penyelidikan.

Yuran Pengajian

Saluran SATU diwujudkan bagi menyediakan laluan alternatif kepada pelajar yang layak tetapi tidak ditawarkan melalui UPU. Saluran ini membolehkan pelajar yang mempunyai keupayaan kewangan melanjutkan pengajian tanpa mengambil tempat yang diperuntukkan kepada pelajar UPU. Ini selari dengan amalan universiti terkemuka antarabangsa.

Kenaikan yuran bagi saluran SATU adalah berpunca daripada keperluan untuk menampung kos sebenar pendidikan perubatan yang tinggi, termasuk latihan klinikal, penyelenggaraan fasiliti hospital pengajar, dan keperluan teknologi serta piawaian profesional. Yuran ini hanya dikenakan kepada pelajar saluran khas, tanpa menjejaskan dasar subsidi kerajaan kepada pelajar UPU.

Penyelarasan yuran Saluran SATU ini dibuat berdasarkan kos-kos yang telah dikenalpasti. Kenaikan yuran ini mengambil kira kos sebenar pelaksanaan program dan kemampuan untuk menampung perbelanjaan asas Universiti.

Perkara ini juga dilaksanakan atas dasar bahawa program kritikal yang sebegini memerlukan peralatan yang berteknologi tinggi yang akan secara langsung membawa UM ke tahap yang lebih tinggi setaraf dengan universiti bertaraf dunia yang mana UM tatkala ini adalah di tangga ke-58 terbaik dunia.

UM menyedari kebimbangan sesetengah pihak terhadap implikasi kewangan kepada pelajar. Namun begitu, langkah ini diambil dengan penuh keprihatinan dan berpandukan kepada prinsip keadilan sosial. UM akan terus memastikan tiada pelajar yang layak dinafikan hak untuk melanjutkan pengajian. Pelbagai bentuk bantuan seperti biasiswa, bantuan kewangan dan sokongan kebajikan akan terus disediakan dan diperluas. Tambahan lagi, pelajar yang diterima melalui UPU, termasuk dari B40 dan M40, masih menikmati kadar subsidi yuran sehingga 95%. Subsidi ini adalah bukti jelas bahawa kerajaan dan universiti tidak pernah mengabaikan tanggungjawab sosial terhadap mana-mana golongan.

Memperluas pengambilan kapasiti UPU bagi MBBS, bidang perubatan berkaitan dan kursus-kursus kritikal.

Mengenai cadangan untuk memperluas kapasiti UPU, Universiti menyambut baik saranan tersebut terutamanya bidang berkaitan perubatan serta kursus-kursus kritikal lain. Kami sedar bahawa sebarang penambahan tempat bukanlah suatu keputusan yang boleh dibuat sewenang-wenangnya, sebaliknya tertakluk kepada kelulusan badan profesional seperti Majlis Perubatan Malaysia, Lembaga Farmasi Malaysia dan Majlis Pergigian Malaysia, yang bertanggungjawab menjaga standard dan integriti profesion kesihatan negara.

Namun begitu, universiti sentiasa terbuka dan positif untuk mengadakan perbincangan bersama badan-badan berkaitan demi memastikan keperluan sebenar negara dapat dipenuhi. Universiti bukan sekadar institusi ilmu, tetapi medan harapan dan tapak semaian bakti masa depan. Dalam dunia yang semakin kompleks dan mencabar, kita memerlukan barisan profesional kesihatan yang bukan sahaja cekap, tetapi cukup bilangannya untuk memastikan kualiti hidup rakyat terus terjamin.

Reformasi urus tadbir kemasukan dwi saluran.

Ingin ditegaskan bahawa Universiti Malaya sentiasa berpegang teguh pada prinsip meritokrasi dan tidak pernah berkompromi terhadap kualiti pendidikan. Proses kemasukan melalui mana-mana saluran – termasuk laluan SATU – tetap tertakluk kepada kriteria saringan yang ketat serta penilaian akademik yang berasaskan merit. Universiti juga melaksanakan segala ketetapan dan dasar yang digariskan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi, dan komited untuk terus mendukung amanah ini secara telus dan bertanggungjawab demi kepentingan negara.

SATU bukan pintu belakang, tetapi pintu tambahan. Ia tidak menutup laluan rakyat, sebaliknya memperluas peluang dan mengukuhkan sistem. Inilah pendidikan progresif yang adil dan mampan.

Universiti Malaya tidak berhasrat untuk berpolemik dalam isu ini, namun terpenggil untuk menjernihkan sebarang kekeliruan yang timbul. Sebagai institusi yang berakar pada amanah rakyat dan berteraskan nilai ilmu, kami sentiasa terbuka menerima teguran mahupun saranan yang membina demi memperkukuh masa depan pendidikan tinggi negara. Komitmen ini seiring dengan semangat Dasar Pendidikan Tinggi MADANI yang menjulang keterbukaan, tanggungjawab dan kemajuan bersama.

Profesor Dato' Seri Ir. Dr. Noor Azuan Abu Osman
27 Jun 2025